

# Kelab Perbankan SPKAL anjur Kempen Derma Darah

UB 19.04.2012 BT

LABUAN: Kelab Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir, Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) telah menganjurkan kempen derma darah sempena program Hari Kesihatan SPKAL 2012.

Program sehari itu mendapat sambutan menggalakkan apabila 84 individu yang terdiri daripada mahasiswa, kakitangan dan penduduk setempat telah menuaikan tanggungjawab mereka.

Penyelaras program, Raymond Liew berkata kempen derma darah itu dianjurkan Kelab HE20 dengan kerjasama Unit Tabung Darah, Hospital Labuan.

Katanya, program yang julung kalinya diadakan itu bertujuan untuk membantu pihak hospital menambah simpanan darah di Hospital Labuan.

Sementara itu, Raiman Lubugan yang juga Penyelaras Kempen Derma Darah berkata program itu sangat dialu-alukan untuk simpanan bekalan darah semasa kecemasan dan rawatan biasa di hospital berkenaan.

Beliau bersama-sama 16 kakitangan Unit Tabung Darah, Hospital Labuan



**RAYMOND (empat kiri) dan AJK Kelab Perbankan SPKAL memerhatikan Raiman (lima kanan) merawat pelajar yang menderma darah di Bilik Seri Menanti UMS Labuan kelmarin.**

telah mengadakan kempen itu dari jam 9 pagi hingga 3 petang di Bilik Seri Menanti, Bangunan Menara, UMS Kampus Antarabangsa Labuan, kelmarin.

Pengarah program, Lim Shi Ying mengucapkan terima kasih kepada pihak Hospital Labuan kerana komitmen dan kerjasama padu dalam menjayakan hari kesihatan itu.